

Selamat Ulang Tahun UiTM



اَوَّلُ كَرِّ سَنَةٍ لِيَكُنْ لَوْنُهَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**Majlis Kemuncak
Sambutan Ulang Tahun
ke-60 UiTM**

**Sambutan Ambang
Kemerdekaan UiTM**

**Istiadat Konvokesyen
UiTM ke-85**

UiTM Ikutai APEL

**Konvensyen Nasional
Penyatuan Bangsa**

MAJLIS PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT UiTM

Pada 9 Ogos 2016 yang lalu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam telah menganjurkan majlis pelancaran bulan kemerdekaan peringkat UiTM yang telah diadakan di foyer bangunan Tuanku Syed Sirrajuddin, program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama, Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat UiTM.

Bersempena sambutan bulan kemerdekaan ke-59 peringkat UiTM ini, pelbagai program telah direncanakan sepanjang bulan Ogos sehinggalah acara kemuncak seperti yang dinantikan seluruh warga UiTM. Sambutan ini bakal direalisasikan pada 30 Ogos 2016 bertempat di UiTM Selangor Kampus Dengkil.

Justeru, sambutan kemerdekaan ini begitu bermakna dan penting buat seluruh warga UiTM kerana UiTM juga bakal menyambut ulang tahun ke-60 penubuhannya sekaligus sebagai tanda penghargaan kepada negara kita yang bebas berdaulat dan mentadbir mengikut acuan sendiri.

Bertepatan dengan itu, semangat patriotik dan cintakan negara juga perlu disemat di dalam hati setiap warga UiTM agar semangat setia kawan dan semangat bekerja dalam satu pasukan dapat diterapkan nilainya bersesuaian dengan tema sambutan kemerdekaan pada tahun ini "sehati sejiwa".

Bertunjangkan kepada kekuatan bangsa Melayu dan Bumiputera, UiTM merupakan sebuah universiti yang amat menekankan erti kemerdekaan terutamanya dalam mempertahankan dan memartabatkan hak pendidikan anak bangsa agar terus diperjuangkan nilainya. Laungan "UiTM Dihatiku" dan "Malaysia Dihatiku" perlulah disemat dalam hati setiap warga agar semangat cintakan negara itu akan terus bersemarak.

Majlis ini turut dihadiri Naib Canselor UiTM iaitu Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said bagi merasmikan majlis pelancaran ini. Besar harapan beliau di dalam ucapannya agar semua warga dapat meneguhkan perbezaan yang boleh mengugat keharmonian negara dan memecahkan keutuhan ummah. YBhg. Dato' juga menggalakkan warga UiTM untuk bersama-sama menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan UiTM ke-59 ini dengan mengibarkan jalur gemilang sebagai tanda penghormatan dan sokongan terhadap negara kita yang tercinta.





Konsep & Reka Bentuk:
Bahagian Conselleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darlensakorporat